

'Kurangkan bekalan barangan utama'

72 JUL 1986

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu pengeluar-pengeluar barangan utama yang tinggi kos pengeluarannya memberhentikan sahaja kegiatan mereka supaya pengeluar-pengeluar yang bergerak dengan kos rendah dapat menikmati sepenuhnya faedah pasaran.

Perdana Menteri juga menasihatkan pengeluar yang berusaha dengan kos rendah mengurangkan kadar keuntungan masing-masing untuk menikmati faedah jangka panjang.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan *Persidangan Komoditi Antarabangsa* di sini hari ini. Persidangan itu dihadiri oleh perwakilan negara-negara pengeluar barangan utama seluruh dunia dan pakar-pakar.

Datuk Seri Dr Mahathir percaya usaha yang paling berkesan untuk mengawal harga barangan utama daripada terus merosot ialah mengurangkan bekalan di pasaran. Salah satu caranya ialah memberhentikan pengeluaran, khususnya oleh pengeluar yang hanya mampu bergiat dengan kos tinggi.

"Jika negara-negara yang mengeluarkan barangan utama gagal menurunkan kos pengeluaran masing-masing, cara paling sesuai untuk mengawal harga daripada terus jatuh ialah pemberhentian pengeluaran yang memerlukan kos tinggi," katanya.

"Adalah penting bagi pengeluar besar mengelakkan daripada

mengaut keuntungan besar. Keuntungan kecil lebih selamat bagi semua jenis perniagaan, termasuk dagangan komoditi, di segi jangka panjang," tambahnya.

Perdana Menteri juga mengecam setengah-setengah negara maju pengeluar komoditi yang hanya melindungi kepentingan mereka tanpa menghiraukan kesan buruk ke atas negara-negara membangun.

Katanya, negara-negara berkenaan mempunyai kuasa politik yang boleh menggugat keupayaan dan kepentingan negara-negara membangun, terutama yang bergantung besar kepada dagangan komoditi.

Umpamanya, kebanyakan pengeluar di negara maju mendapat perlindungan, termasuk pelbagai bentuk subsidi. Ini akan menekan harga di pasaran antarabangsa ke paras lebih rendah.

Subsidi

Pengeluar-pengeluar ini juga bertanggungjawab melambakkan hasil mereka, atau diderma kepada negara-negara kurang maju dalam bentuk bantuan. Ini nyata

menggugat kepentingan pengeluar lain yang bergantung penuh kepada hasil barangan mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: "Pedagang di negara maju juga terbabit dalam mengawal harga mengikut selera mereka. Oleh kerana bursa barangan utama di negara maju, dan semua operasi ditentukan oleh mereka, peraturan-peraturan sering diubah suai mengikut kepentingan mereka.

"Pernah berlaku apabila peraturan ini ditukar semata-mata untuk mengelakkan kerugian besar di kalangan pengeluar negara maju. Saya tidak perlu menceritakan lebih dari itu," katanya.

Perdana Menteri menekankan betapa pentingnya pengeluar meningkatkan teknologi masing-masing. Kegiatan penyelidikan di kalangan pengeluar harus berkait rapat dengan keadaan pasaran kerana pertambahan pengeluaran berikutan penemuan teknologi baru hanya akan menjejaskan pengeluaran.

Beliau memberi amaran sekiranya dagangan komoditi dunia runtuh, kesannya boleh menjejaskan dunia kewangan keseluruhannya.